

Ruj.Kami: (69)dlm.JKR.KPKR.020.050/03 Klt.3

Tarikh: 31 Julai 2000

Semua Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Semua Pengarah Bekalan Air Negeri

Semua Pengarah JKR Unit Khas

Timbalan Pengarah Teknikal Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah

Timbalan Pengarah Teknikal Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan

Semua Jurutera Daerah

Semua Jurutera Bekalan Air Daerah

Tuan,

Penggunaan Kaedah Aliran Kritikal (Critical Path Method) dalam Pelaksanaan Kontrak Kerja

1.0 Tujuan

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai peraturan baru berhubung dengan Kaedah Aliran Kritikal (Critical Path Method) sebagai program tambahan kepada Spesifikasi di dalam pelaksanaan kontrak kerja.

2.0 Latarbelakang

Adalah didapati kebanyakan projek pembangunan tidak menepati jadual penyiapan kerana ketiadaan kaedah perancangan dan pemantauan yang betul. Oleh itu, bagi memastikan projek menepati jadual penyiapan dan dapat diserahkan kepada pelanggan dalam masa yang ditetapkan, semua projek pembangunan yang dilaksanakan wajib menggunakan Kaedah Aliran Kritikal (CPM) supaya perancangan projek boleh dijalankan dengan lebih teratur dan projek dapat dipantau(tracking) dengan berkesan. Satu kajian telah dibuat ke atas peruntukan dalam kontrak untuk mendapatkan kaedah yang baik dan berkesan. Untuk melaksanakan Kaedah Aliran Kritikal ini, beberapa pindaan perlu dibuat kepada dokumen tawaran.

3.0 Tatacara Pelaksanaan

3.1 Pindaan kepada Dokumen Tawaran

3.1.1 Arahan Kepada Pentender

Sila masukkan peruntukan yang berkenaan seperti di Lampiran A.

3.1.2 Addenda Kepada Spesifikasi Piawai

Sila masukkan addenda seperti di Lampiran B. Peruntukan ini akan menggantikan peruntukan sedia ada dalam Spesifikasi Piawai.

3.1.3 Peruntukan Dalam Kerja-Kerja Awalan

Sila masukkan butiran keperluan seperti di Lampiran C. Contoh butiran bagi Ringkasan Tender/Senarai Kuantiti ialah seperti di Lampiran D.

4.0 Kuatkuasa

Peraturan ini adalah berkuatkuasa bagi semua projek yang akan dipanggil tawaran dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' IR. HJ. ZAINI BIN OMAR)

Ketua Pengarah Kerja Raya

Malaysia.

- s.k. - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya I
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya II
- Jawatankuasa Pemandu ISO 9000